

Nama ahli Dewan Rakyat sejak 1959 diabadikan

um-20/3/2007
KUALA LUMPUR 19 Mac - Nama 1,600 ahli Dewan Rakyat yang berkhidmat sejak 1959 hingga sekarang diabadikan pada plak kayu yang dipasang pada dinding menghadap kafeteria bangunan Parlimen.

Plak berukuran 12 meter panjang dan 1.5 meter lebar itu memuatkan senarai nama Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Yang Dipertua Dewan Rakyat, jemaah menteri dan ahli-ahli dewan.

Plak tersebut dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini dengan disaksikan semua ahli dewan bagi sesi Parlimen ke-11.

Nama Abdullah turut terukir pada plak berkenaan bermula 1978 ketika beliau mula-mula menjadi ahli Parlimen Kepala Batas.

Ahli Parlimen paling lama berkhidmat secara terus-menerus selama sembilan penggal ialah Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud bermula 1971.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Ramli Ngah Talib dalam ucapannya pada majlis itu berkata, plak yang diperbuat daripada kayu nyatuh diukir menggunakan teknologi laser oleh pelajar Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Bantuan

Mereka yang diketuai oleh Ketua Program Jabatan Rekaan Industri fakulti itu, Prof. Madya Anuar Sirat turut mendapat bantuan pakar seni ukir tempatan, Mohd. Abdah Hassan.

"Plak kayu ini dihiasi dengan corak ukiran bunga kelompang yang menjadi motif ukiran Istana Iskandariah, Perak dan seni reka bunga Langkasuka," kata Ramli.

Menurut beliau, plak kayu itu adalah bagi mengiktiraf ahli Dewan Rakyat yang banyak memberi sumbangan kepada pembangunan negara di samping menghayati ulang tahun kemerdekaan ke-50 negara.

Sebelum itu, Abdullah turut melancarkan pin lapel Jalur Gemilang edisi terhad bagi mengabadikan kejayaan dan kepimpinan Perdana Menteri sejak dahulu hingga sekarang.

Pin yang boleh disematkan pada pakaian dihasilkan oleh Infortis Sdn. Bhd. dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Sempena majlis itu, menterinya, Datuk Seri Dr. Rais Yatim menyampaikan pin pertama dan kedua masing-masing kepada Abdullah dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Rais ketika ditemui selepas itu berkata, beliau menggalakkan semua menteri Kabinet dan ahli Parlimen memakai pin terbabit bagi menunjukkan kecintaan kepada negara.

Dalam satu majlis berasingan selepas itu, Abdullah menerima kunjungan hormat Presiden Senat Perancis, Christian Poncelet dan delegasinya di Pejabat Perdana Menteri di Parlimen.

Poncelet yang disertai delegasi 10 orang kini dalam rangka lawatan selama tiga hari ke Malaysia bermula semalam.